

**TALKING POINT**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN**  
**PADA 23 MEI 2013**  
**DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

**SALUTASI**

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Timbalan Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,  
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao,  
Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

### **KATA-KATA ALUAN**

Hadirin sekalian,

1. Bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya ucapkan kepada staf UniMAP yang masih lagi memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik kita yang bukan sahaja akan menyihatkan badan malah sebagai medan untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP.

### **MAKLUMAN PROGRAM TELAH BERLANGSUNG**

#### **Penyelidik CEGeoGTech Ukir Nama di Romania**

2. Pada 11 Mei 2013 yang lalu, penyelidik Malaysia yang diketuai oleh Pusat Kecemerlangan Geopolimer & Teknologi Hijau

(CEGeoGTech) UniMAP telah berjaya meraih 100 peratus kejayaan apabila kesemua 13 penyertaannya berjaya meraih pingat pada pameran *European Exhibition of Creativity and Innovation* (EUROINVENT 2013) yang berlangsung mulai 9 Mei lalu di Dewan Alexandru Ioan Cuza University.

3. Salah seorang penyelidik UniMAP iaitu Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan, Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah telah menghantar lima produk penyelidikan dan berjaya meraih empat pingat emas dan satu pingat perak.
4. Delegasi Malaysia yang lain disertai oleh 21 pelajar dari Sekolah Berasrama Penuh Malaysia (SBP) antaranya Sekolah Menengah Sains (SMS) Selangor, SMS Johor, SMS Pokok Sena, SMS Kepala Batas, SMS Sultan Mohamad Jiwa, SMS Hulu Selangor dan Kolej Tunku Kurshiah berjaya memenangi enam pingat emas dan dua pingat perak hasil inovasi para pelajar tersebut.
5. Selain itu, penyelidik CEGeoGTech UniMAP berjaya menggondol tiga anugerah khas pada pameran EUROINVENT2013 menghimpunkan penyelidik dari lebih 15 buah negara antaranya Croatia, Taiwan, Russia, Maldiva, Turki, Poland, Ukraine, Tunisia dan Sepanyol yang mana turut melibatkan penyertaan dari 14 buah universiti dan 20 buah

Institusi Penyelidikan seluruh Romania yang mempamerkan lebih 400 produk penyelidikan yang berkualiti tinggi.

6. Berikan tepukan yang gemuruh kepada pemenang pingat emas kita iaitu Zarina Yahya melalui penyelidikan bertajuk ***Novel Palm Oil Fuel Ash (POFA) as Geopolymer Composite*** yang turut meraih anugerah khas Poland dan;
7. Penyelidik Faizul Che Pa bersama kumpulan penyelidik seramik hijau menerusi produk penyelidikan, ***Green Glass Powder from Agriculture Waste*** turut meraih pingat emas dan dua anugerah rekacipta cemerlang daripada Institut Kimia dan Petrokimia Nasional Bucharest Romania dan juga anugerah khas EUROINVENT.
8. Manakala rekacipta ***High Chemical Resistance Geopolymer Pipeline (HCRGC)*** oleh Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah dan Muhd Izzat Ahmad juga turut menjadi penyumbang pingat emas kepada UniMAP.
9. Produk saya sendiri bersama Prof. Dr. Azmi Rahmat dan Farah Farhana Zainal yang bertajuk ***Anti Corrosion Coating; New Advanced Technology Approach*** turut berjaya meraih pingat emas manakala Pingat perak tunggal disumbangkan oleh Shaiful Rizam Shamsudin dengan penyelidikannya ***Biofriendly***

***and Long-lasting Secondary Galvanic Cell for Underground Corrosion Protection.***

**Pensyarah UniMAP Cemerlang di Finland**

10. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pensyarah UniMAP dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan iaitu Norsuria Mahmed yang berjaya dengan cemerlang pada pembentangan akhir pengajiannya di peringkat Ijazah Kedoktoran (PhD) di Aalto University.
11. Apa yang istimewa mengenai pensyarah ini adalah kerana beliau berjaya mempertahankan kajiannya untuk menghasilkan partikel nano pelbagai fungsi berteraskan magnetik yang boleh digunakan di dalam pelbagai bentuk aplikasi dengan mengumpulkan beberapa jenis partikel dengan fungsi yang berbeza di dalam satu sistem tunggal sehinggakan mendapat liputan meluas dari media Finland. Tahniah diucapkan dan In Sha Allah, tidak lama lagi beliau akan kembali ke tanah air dan berkhidmat kepada UniMAP.

**UniMAPfm Raih Anugerah DJ Radio Terbaik**

12. Pelajar UniMAP yang juga merupakan DeeJay UniMAPfm iaitu Ashraf Mohamad Afandi meraih Anugerah DJ Radio Terbaik pada pertandingan deeJay radio sempena Immersion

Project, Appreciation and Tribute (IMPACT) 2013, anjuran Universiti Sains Malaysia (USM), baru-baru ini.

13. Bagi saya, ini adalah pencapaian yang sangat membanggakan kerana sebagai sebuah universiti yang tidak mempunyai jurusan komunikasi massa dan penyiaran, kita mempunyai pelajar yang berbakat besar bersama-sama kita dan berjaya mengharumkan nama UniMAP dalam pertandingan tersebut.
14. Saya dimaklumkan bahawa persaingan ketika itu amat sengit kerana ia turut disertai oleh 19 peserta dari pelbagai universiti. Kepada UniMAPfm, saya berharap agar lebih banyak pendedahan diberikan kepada pelajar kita yang terlibat secara langsung dengan radio UniMAP agar menjadi pelajar versatil.

### **MAKLUMAN PROGRAM AKAN BERLANGSUNG**

15. Pada 5 hingga 6 Jun ini bertempat di Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur akan berlangsungnya Seminar Institusi Raja (SIRaj) 2013 yang julung kali diadakan dalam usaha memartabat dan melestarikan Institusi Raja di negara ini. Seminar ini sebenarnya bertujuan untuk menghayati peranan Raja dalam Sistem Raja Berpelembagaan di Malaysia samping berkongsi corak Pemerintahan Beraja di negara-negara jiran yang turut mempunyai Institusi yang sama.

16. Saya berasa sangat teruja kerana dimaklumkan mendapat maklum balas positif daripada Institusi Raja dimana bagi dua slot utama akan diisi dengan titah Ucaptama oleh DYTM Raja Dr Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Raja Muda Perak dan DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, Raja Muda Perlis. Manakala DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail berkenan berangkat bagi merasmikan seminar tersebut.

## **PENUTUP**

17. Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, ingin saya menarik perhatian warga UniMAP bagi membentuk diri sebagai pemimpin kepada diri sendiri, keluarga dan organisasi. Tugas sebagai pemimpin adalah sangat berat. Ianya bukan tasyrif (kebanggaan) tetapi taklif (tanggungjawab) yang mesti dilaksanakan dengan sebaiknya. Seperti yang kita sedia maklum, Rasulullah saw adalah pemimpin terbaik yang perlu dicontohi dimana kepimpinan Baginda adalah bersifat syumul dan sesuai untuk dilaksanakan kepada seluruh makhluk Allah swt di muka bumi.

**18. Di sini ingin saya gariskan beberapa ciri kepimpinan yang perlu ada dalam diri kita sebagai seorang pemimpin tidak kiralah sama ada dalam organisasi, keluarga mahupun diri sendiri.**

**1) Matlamat yang jelas**

**Mempunyai gambaran jelas mengenai matlamat serta kekuatan untuk bertahan sekiranya gagal.**

**2) Penyelaras**

**Berkeupayaan untuk menyelaraskan system dalam organisasi untuk mencapai visi.**

**3) Belajar sepanjang hayat**

**Memberikan komitmen terhadap ilmu bagi mendasari perjalanan organisasi.**

**4) Menjadi teladan**

**Memberikan contoh terbaik kepada orang lain atau melaksanakan apa-apa yang dikatakan.**

**5) Keinginan yang tinggi**

**Melakukan kerja semaksimum mungkin lantaran kecintaan terhadap kerja yang dilakukan.**



**6) Amanah**

**Melaksanakan pekerjaan dengan penuh tanggungjawab.**

**7) Berinisiatif**

**Menggunakan segala kemampuan bagi menjadikan impian satu kenyataan.**

**8) Berani**

**Berani mengambil risiko dan melakukan perubahan.**

**9) Perintis**

**Pemimpin yang memahami dan memenuhi kehendak organisasi dengan hala tuju yang jelas dan cara untuk mencapainya.**

**10) Membentuk organisasi**

**Membentuk organisasi yang mampu melaksanakan visi.**

**11) Memberikan inspirasi**

**Memberikan inspirasi kepada anggota organisasi untuk terus melangkah ke hadapan.**

**12) Pemerkasaan**

**Keupayaan pemimpin mewujudkan suasana di mana setiap orang berusaha melakukan yang terbaik dan mempunyai komitmen yang tinggi.**

**13) Bersedia mendengar**

**Bersedia mendengar pandangan daripada ahli organisasi agar keputusan yang dilakukan adalah tepat.**

- 19.** Saya menyeru semua warga UniMAP untuk mengambil berat perkara yang saya sebutkan tadi. Semoga kita dapat menjadi pemimpin hebat buat diri sendiri, keluarga, dan organisasi kita ini. Saya akhiri ucapan saya pada pagi ini dengan serangkap pantun:-

**Hendak mendaki, si Gunung Daik,  
Terletak jauh, di pulau Lingga,  
Jadikan Rasulullah, contoh terbaik,  
Kepimpinannya hebat, tidak terhingga.**

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.